

Friend to Friend Mengajar 'Kita Ialah Anak Tuhan'

Acara Friend to Friend yang pertama pada tahun 2023 menampilkan video, muzik dan pesanan tentang identiti ilahi

(Untuk Kegunaan Orang Bukan Islam Sahaja)



Kisah ini dipaparkan di sini dengan ihsan TheChurchNews.com. Ia bukan untuk kegunaan media lain.

Oleh Mary Richards, Church News

Friend to Friend yang disiarkan pada 11 Mac mengajar kanak-kanak tentang identiti ilahi mereka sebagai anak-anak Tuhan, langkah-langkah dalam rancangan kebahagiaan dan memahami cara menerima wahyu.

Presiden Umum Sekolah Primer, Susan H. Porter dan para penasihatnya, Sister Amy A. Wright dan Sister Tracy Y. Browning, memperkenalkan siaran itu — bertajuk “Kita Ialah Anak Tuhan” — dengan berkongsi kasih mereka kepada kanak-kanak yang menonton.

"Helo, kawan-kawan. Selamat datang ke Friend-to-Friend," kata Presiden Porter.



Victor Batista, 8, dan Giuliana Batista, 11, berada dalam versi bahasa Portugis dan Inggris bagi acara Friend to Friend, "Kita Lalah Anank Tuhan," yang disiarkan pada hari Sabtu, 11 Mac 2023.

Sister Wright berkata, "Kami gembira bersama anda hari ini untuk belajar tentang Yesus Kristus dan Injil-Nya."

Dan Sister Browning menambah, "Kami harap anda merasai kasih Bapa Syurgawi untuk anda hari ini."

The Friend to Friend berasal dari bahasa Inggris, Sepanyol dan Portugis dan termasuk burung toucan yang bercakap, ulasan daripada boneka, video muzik, seorang nenek dari program sebelumnya dan seorang remaja yang berinteraksi dan membantu mengajar kanak-kanak.

Louie Si Toucan dari November 2022 Friend to Friend memulakan acara Mac dengan menyanyi di atas pokok bersama rakan burungnya, Gilbert. Tetapi ketika dia menolehkan kepalanya, paruhnya terhantuk Gilbert sehingga dia jatuh dari pokok itu dan ke tangan seorang remaja, lakonan Laura Fajardo-Riascos, 18 tahun.

Louie mengeluh kepada Laura bahawa paruhnya sentiasa jadi penghalang, menetapkan beberapa ajaran yang akan datang dalam program itu.

Memahami Rancangan Kebahagiaan Tuhan

Dalam adegan seterusnya, budak lelaki dan budak perempuan — lakonan Giuliana Batista, umur 11, dan Victor Batista, umur 8 — memasuki set untuk menyertai seorang wanita yang mereka panggil "Nenek," yang sedang mengunting bulatan biru besar daripada kertas.

Nenek — lakonan Maria Carr — memberitahu kanak-kanak itu dia sedang berusaha untuk membantu cucu-cucunya lebih memahami rancangan kebahagiaan Tuhan.



Maria Carr, di tengah, mengajar Victor Batista, di kiri, dan Giuliana Batista, di kanan, tentang rancangan kebahagiaan Tuhan dalam versi bahasa Inggeris acara Friend to Friend, "Kita Anak-Anak Tuhan," yang disiarkan pada hari Sabtu, 11 Mac 2023.

"Saya pilih bulatan ini kerana kita mulanya hidup bersama Bapa Syurgawi dan kemudian di bumi dan akhirnya kembali tinggal bersama-Nya," katanya sambil tangannya mengelilingi bulatan itu.

Menunjukkan kanak-kanak di sekitar set bilik kraf, dia terangkan bagaimana orang hidup di syurga bersama Bapa Syurgawi sebelum mereka hidup di bumi.

Mereka membayangkan pintu ke set bersebelahan seperti dilahirkan ke bumi dan menerima tubuh jasmani. Nenek membawa kanak-kanak melalui pintu dan ke meja, di mana dia menunjukkan gambar ibu bapanya.

"Di Bumi, kita masih anak-anak Tuhan. Tetapi kita juga ada ibu bapa di bumi," katanya sambil menjelaskan ibu bapanya telah meninggal dan dia merindui mereka. "Tetapi saya tahu kami akan bersama lagi kerana kami diikat bersama melalui perjanjian dan tatacara," katanya.

Dia teruskan, "Hidup kadangkala sukar, tetapi kita boleh tahu Bapa Syurgawi sayangi kita. Kita selalu buat kesilapan. Tetapi kita boleh bertaubat melalui Yesus Kristus.

Kemudian, memimpin kanak-kanak melalui pintu lain pada set, dia menunjukkan bahawa selepas kematian, orang memasuki dunia roh.

"Kita masih hidup, tetapi tanpa tubuh jasmani," katanya. "Melalui rahmat Yesus, kita semua akan dibangkit dan dihakimi atas pilihan kita. Dalam kata lain, Dia akan bantu kita kembali kepada Bapa Syurgawi."



Maria Carr, melakonkan "Nenek" dalam versi Bahasa Inggeris dan Sepanyol bagi acara Friend to Friend, "Kita Anak-Anak Tuhan," menunjukkan gambar ibu bapanya dalam siaran pada hari Sabtu, 11 Mac 2023.

Kembali ke tempat asal dia mengunting kertas biru, Nenek memeluk kanak-kanak itu dan bercakap tentang betapa indahnya untuk kembali ke syurga.

"Saya amat bersyukur kepada Juruselamat, untuk segala yang Dia lakukan untuk kita. Jadi saya berusaha untuk menjadi seperti-Nya dan sayangi orang lain dan melayani seperti Dia," katanya.

Mengetahui Anda Ialah Anak Tuhan

Dalam adegan baharu dengan boneka Louie Si Burung Toucan, Louie mendongak untuk melihat Laura, Victor dan Giuliana yang memakai paruh toucan palsu di muka mereka.

Mereka memberitahu Louie bahawa mereka tahu dia sedih tentang paruhnya, jadi setiap mereka berkongsi sesuatu yang mereka suka tentang paruhnya, seperti bunyi yang ia hasilkan dan warnanya yang terang.

"Tuhan buatnya cantik," kata Giuliana.



Dari kiri ke kanan, Victor Batista, Laura Fajardo-Riascos dan Giuliana Batista senyum semasa penggambaran acara Friend to Friend versi Inggeris, "Kita Anak-Anak Tuhan," yang disiarkan pada hari Sabtu, 11 Mac 2023.

Laura berterima kasih kepada burung toucan kerana gunakan paruhnya untuk membuka buah-buahan dan kacang, dan Louie menjawab, "Saya suka Tuhan cipta semua benda hidup."

"Setiap kita ialah anak Tuhan," jelas Laura. "Saya ada ibu bapa syurgawi, dan ibu bapa duniawi yang beri saya tubuh jasmani."

Dia bercakap tentang bagaimana orang mendapat beberapa ciri daripada ibu bapa duniawi mereka, seperti mata, hidung dan warna rambut. "Kita juga dapat sifat dari Bapa Syurgawi kita dan Dia mahu kita pilih untuk tumbuh seperti-Nya."

Merasakan Roh

Seterusnya, video animasi bermula dengan seorang gadis muda berlutut di tepi katilnya untuk berdoa, tetapi kelihatan kecewa.

Dia bertanya kepada ibu dan bapanya bagaimana dia boleh tahu dia menerima wahyu atau ia hanya fikirannya sendiri. Tetapi ibu bapanya sibuk menyediakan makan malam dan membantu dua adiknya itu.

Kemudian, mak cik dia tiba untuk makan malam. Semasa mereka makan, gadis itu bertanya kepada mak ciknya bagaimana dia boleh tahu jika dia mendapat jawapan daripada Bapa Syurgawi untuk doanya.



Seorang gadis dan mak ciknya membincangkan cara mendengar jawapan Roh dalam video animasi ini yang ditayangkan semasa acara Mac Friend to Friend, "Kita Anak-Anak Tuhan," yang disiarkan pada hari Sabtu, 11 Mac 2023.

"Bila saya berdoa, perasaan saya sering diganggu," kata gadis itu.

Mak ciknya berkata dia faham: "Ini perasaan saya ke atau Bapa Syurgawi nak bagi tahu saya, dan cara roh-Nya bercakap kepada saya akan berbeza bagi orang lain." katanya.

Mak cik itu menjelaskan bahawa dia dapat tahu sesuatu itu datang daripada Roh apabila dia merasakan kedamaian.

Dia berkata apabila dia mencari jawapan, dia membaca tulisan suci dan mengkajinya dalam fikirannya, kemudian dia membuat keputusan dan dalam doanya dia bertanya sama ada itu betul. "Dan lihat kalau saya rasai damai melalui roh kudus," dia memberitahu anak saudaranya.



Euarda Garcia, 17, berinteraksi dengan Louie si brurung toucan untuk acara Friend to Friend versi Portugis, "Kita Anak-Anak Tuhan," yang disiarkan pada 11 Mac 2023.

Kedamaian dalam rancangan Tuhan

Semasa program diteruskan, Louie Si Burung Toucan bertanya kepada Laura bagaimana dia tahu dia ialah anak Tuhan.

Laura menjawab bahawa para nabi dan kitab suci mengajar kebenaran ini. “Dan apabila saya berdoa untuk tahu, saya rasa damai dalam hati, Kadangkala kita panggilnya wahyu.”

Louie berkata itu lebih baik daripada kecewa dengan paruhnya.

Laura menjawab bahawa semua orang boleh belajar dari hal sukar. “Itu sebahagian daripada rancangan Tuhan untuk bantu kita berpaling kepada Juruselamat dan menjadi setia dan kuat.”

Dia berkata sesiapa sahaja boleh meminta Tuhan untuk membantu mereka dan boleh berasa gembira mengetahui bahawa bantuan itu akan datang.



Luiz Laffey, di tengah, mengajar tentang rancangan keselamatan bersama Victor Batista, 8, di kiri, dan Giuliana Batista, 11, di kanan, dalam versi Portugis acara Friend to Friend, “Kita Anak-Anak Tuhan,” yang disiarkan pada hari Sabtu, 11 Mac, 2023.

Louie bertanya kepada Laura apa perbezaan yang dia akan lakukan, sekarang dia tahu dia ialah anak Tuhan.

Dia menjawab, “Kerana saya puteri-Nya, saya boleh menjadi lebih seperti Bapa Syurgawi saya setiap hari. Saya tidak takut apabila saya ingat itu. Dan saya teruja mentaati perjanjian pembaptisan saya. Saya mahu sayangi orang seperti Juruselamat.”

‘Aku Anak Tuhan’

Program ini berakhir dengan montaj video kanak-kanak, remaja dan orang dewasa dari semua peringkat umur dan latar belakang menyanyikan lagu rohani, "Aku Anak Tuhan."

Ada yang menyanyi solo, yang lain bersama ahli keluarga dan rakan — dan ada kalanya, suara-suara itu bergabung bersama dari lokasi berbeza di seluruh dunia.

Diselang-seli sepanjang siaran Friend to Friend adalah sketsa pendek dengan boneka tangan yang diperbuat daripada bahan yang kanak-kanak boleh cari di rumah mereka sendiri dan turut diilhamkan untuk membuatnya.

Suara kanak-kanak menggunakan boneka untuk berkongsi contoh harian yang mengajar warisan dan identiti ilahi, yang Sister Wright ucapkan sebelum siaran.



Giuliana Batista, 11, Victor Batista, 8 dan Laura Fajardo-Riascos, 18, ketawa bersama dengan Louie si burung toucan ketika mereka bercakap tentang beberapa sifat yang diwarisi dari ibu bapa duniawi mereka dan dari Bapa Syurgawi dalam versi bahasa Inggeris acara Friend to Friend, "Kita Anak-Anak Tuhan," yang disiarkan pada hari Sabtu, 11 Mac 2023.

"Penting bagi kanak-kanak untuk mengetahui bahawa mereka benar-benar roh anak lelaki dan anak perempuan Tuhan. Ini adalah hubungan kekeluargaan, dan mereka berharga di mata-Nya," Sister Wright berkata. "Dan Dia sangat berhasrat, sama seperti anda berharap ibu bapa duniawi akan terlibat dalam kehidupan anak-anak mereka."

Presiden Porter berkata salah satu kekuatan Friend to Friend ini adalah ia menggembirakan.

“Asas-asas diajar dengan cara yang sangat menarik, dan kanak-kanak boleh mempelajari pola daripada cara watak saling berinteraksi,” kata Presiden Porter.

Dan kandungan Friend to Friend adalah ilham dan aspirasi, kata Sister Browning.

“Ia membantu kanak-kanak temui hal yang membantu mereka mengesahkan kebenaran, mengajar ajaran, mengetahui dan memahami ajaran Kristus. Dan terdapat juga komponen yang membantu mereka berhasrat untuk melakukan dan bertindak,” katanya.

Cara Menggunakan Friend to Friend Mac

Sama seperti Friend to Friend 2021, dan Februari 2022, Julai 2022 dan November 2022, siaran Mac dibuat daripada segmen yang lebih pendek yang direka untuk menjadi sumber untuk para ibu bapa dan pemimpin Sekolah Primer untuk digunakan berulang kali.

Siaran penuh Friend to Friend dan segmen individu akan kekal tersedia selepas 11 Mac untuk menambah pengajaran di rumah atau di gereja. Video tersedia di ChurchofJesusChrist.org, Gospel Library dan Gospel Media.

Versi Inggeris, Sepanyol dan Portugis juga tersedia di saluran YouTube Gospel for Kids (El Evangelio para niños dalam bahasa Sepanyol dan Evangelho para Crianças dalam bahasa Portugis)

Untuk lebih banyak aktiviti dan video untuk kanak-kanak, layari saluran YouTube Gospel for Kids dan app Gospel for Kids.